

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : RABU, 10 JUN 2015**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membuat pemantauan alam sekitar seperti penebang haram, penerokaan haram tanah dan lombong menggunakan teknologi tinggi seperti satelit dan helikopter tanpa pemandu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemantauan penguatkuasaan hutan dijalankan oleh JPSPM mengikut beberapa kaedah seperti rondaan darat menggunakan kenderaan pacuan empat roda, motosikal lasak dan penerbangan helikopter. Di samping itu, penggunaan teknologi geospasial melalui sistem Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS) digunakan secara meluas oleh Jabatan Perhutanan Negeri dalam memantau dan mengawasi aktiviti pencerobohan hutan. Teknologi ini terdiri daripada teknologi Remote Sensing, Geographical Information System (GIS) dan Global Navigation Satellite System (GNSS) yang menggunakan imej satelit yang digabungkan dengan data peta digital persempadanan kawasan hutan. JPSPM telah meneliti dan menguji cuba penggunaan teknologi UAV dalam pemantauan serta penguatkuasaan hutan dan bercadang untuk membolehkannya di bawah RMK-11.

Kawalan bagi aktiviti penerokaan tanah secara haram bagi tujuan perlombongan adalah di bawah kuasa kerajaan negeri kerana urusan berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Kementerian menyokong sepenuhnya saranan agar jabatan persekutuan menggunakan peralatan berteknologi tinggi untuk pemantauan alam sekitar kerana ini akan meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**TARIKH : 10.06.2015 (RABU)**

**SOALAN : 20**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :

Jumlah enrolmen pelajar dan bilangan guru-guru, kemudahan prasarana yang disediakan, peruntukan yang disalurkan kepada setiap Tabika dan Taska KEMAS mengikut senarai Tabika dan Taska sedia ada dan akan dibina setiap tahun dari 2010 hingga kini.

Tindakan : **KEMAS**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah mula menubuhkan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) pada tahun 1971 dengan bilangan sepuluh (10) buah Tabika dan bilangan kanak-kanak seramai tiga ratus (300) orang. Bilangan kanak-kanak yang telah mendapat faedah daripada Tabika telah bertambah dari tahun ke tahun.

Manakala Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) telah mula ditubuhkan pada tahun 1995 bagi membantu ibu-ibu dari keluarga miskin untuk keluar bekerja dan menambah pendapatan keluarga. Dalam masa yang sama anak-anak mereka dapat diasuh dan diberi input pembelajaran sesuai dengan peringkat umur dua (2) hingga empat (4) tahun.

Jumlah enrolmen pelajar dan guru bagi Tabika dan Taska PERMATA KEMAS bermula pada tahun 2010 sehingga tahun 2015 adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>TABIKA</b>		<b>TASKA</b>	
	<b>KANAK-KANAK</b>	<b>GURU</b>	<b>KANAK-KANAK</b>	<b>GURU</b>
2010	175,414	7,800	5,421	765
2011	177,351	8,950	5,865	837
2012	180,113	9,060	6,842	980
2013	176,993	9,950	7,442	1,163
2014	182,799	10,500	7,925	1,491
2015	217,705	10,998	8,598	1,886

Di Tabika KEMAS kerajaan telah membekalkan perabot untuk kegunaan kanak-kanak dan guru, seperti kerusi, meja, almari, rak buku, alat bahan pengajaran dan

pembelajaran seperti kad nombor dan huruf abjad, carta, alat muzik, kad imbasan, *anatomy*, panggung puppet, model buah-buah, model haiwan, perkakas elektrik seperti televisyen, radio dan komputer serta perkakasan untuk menyediakan dan menghidang makan untuk kanak-kanak.

Selain itu, Kerajaan melalui Jabatan KEMAS juga menyediakan peruntukan bagi tujuan baik pulih dan penyelenggaraan Tabika untuk memastikan kelas yang beroperasi di dalam keadaan yang selamat, selesa dan kondusif.

Bagi meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak, Kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk:

1. Membekalkan buku aktiviti kepada setiap orang kanak-kanak bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman dan kemahiran dalam pembelajaran. Buku tersebut adalah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Moral, Asas Bacaan Al-Quran dan Asas Tulisan Jawi.

2. Menyediakan makanan tambahan dengan kadar Ringgit Malaysia: Dua (RM2.00) seorang sehari bagi negeri-negeri di semenanjung dan Ringgit Malaysia: Dua Ringgit Dua Puluh Lima Sen Sahaja (RM2.25) seorang sehari bagi kanak-kanak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam penyediaan makanan tambahan ini, menu dan resipi telah disediakan dengan kerjasama Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia agar makanan yang disediakan berkhasiat, seimbang dan mempunyai nilai nutrien yang diperlukan oleh setiap orang kanak-kanak berumur empat (4) hingga enam (6) tahun.

3. Bantuan Geran Perkapita dengan kadar Ringgit Malaysia : Satu Ratus (RM100.00) seorang bagi pembelian buku, bahan pembelajaran dan pengajaran, lawatan pendidikan serta penyelenggaraan kecil di kelas Tabika.



4. Bagi kanak-kanak miskin, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak Ringgit Malaysia: Lima Puluh (RM50.00) seorang bagi pembelian pakaian seragam dan pakaian sukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN : 21**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar nilai saham Felda Global Ventures Bhd. sedang berada di paras yang amat rendah. Jika benar, apakah pelan tindakan FELDA dan Kerajaan untuk mengangkat semula nilai saham FGV ini.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga saham ditentukan oleh pasaran dan keyakinan pelabur menerusi sesi dagangan di Papan Utama Bursa Malaysia.

FGV merupakan sebuah kumpulan perladangan yang mana 75% dari pendapatannya adalah berdasarkan kepada komoditi sekali gus berkait rapat dengan pergerakan harga komoditi dunia. Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) mula mencatatkan nilai lebih rendah berbanding tahun lalu, bermula pada pertengahan tahun dan harga purata tidak banyak perubahan sehingga ke Mei 2015. Purata harga MSM 2014 adalah RM2,410 per tan metrik. Namun harga MSM pada separuh pertama tahun ini mendatar sekitar RM2,300 hingga RM2,100 per tan metrik. Ini sekali gus memberi kesan kepada harga saham FGV yang berlegar sekitar RM2.06 hingga RM2.20 sesaham.

Pergerakan harga ini adalah di luar kawalan FGV dan apa yang boleh dilakukan adalah dengan meningkatkan semula keyakinan pelabur dan mengukuhkan syarikat melalui perniagaan hiliran untuk mengimbangi pendapatan agar tidak bergantung kepada perniagaan hulu sahaja. Perancangan yang dibuat dijangka mampu mengembalikan semula keyakinan pelabur sekaligus memberi kesan positif kepada saham FGV untuk jangka masa panjang.

Bagi mengukuhkan lagi operasi pada tahun ini, FGV telah menekankan tiga aspek utama iaitu Keberkesanan Kos Operasi, Model Perniagaan Baharu dan Penstrukturan Semula Anak Syarikat Kumpulan. Walaupun pergerakan harga MSM dunia dan kemarau berpanjangan akan memberi impak negatif, FGV yakin untuk mencapai prestasi yang lebih baik pada tahun ini berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

Selain itu, FGV juga masih dalam proses penanaman semula secara agresif sejak 2012 dan setakat ini 44,000 hektar ladang telah ditanam semula. Kumpulan menyasarkan untuk memiliki 60% pokok matang, 20% pokok tua dan 20% pokok muda menjelang tahun 2020. Proses penanaman semula ini akan mula memberi kesan positif kepada FGV bermula 2018 dengan jangkaan jumlah pengeluaran hasil akan meningkat dengan lebih baik berbanding ketika ini. Perancangan FGV adalah untuk membawa kumpulan untuk mencapai perniagaan yang mampan dari segi operasi dan juga keuntungan untuk jangka masa panjang.

Sekian. Terima kasih.